

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD  
IMRAN BIN ABD HAMID (B) [ LUMUT ]**

**TARIKH : 23.5.2016**

**SOALAN :**

**Laksamana Pertama Mohamad Imran bin Abd Hamid (B) [ Lumut ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan untuk menaikkan Gred Pegawai Pendidikan Daerah Manjung ke Gred 54 memandangkan terdapat Pengetua Sekolah di dalam sesebuah daerah itu menyandang Gred 54. Ini akan memudahkan urusan tadbir sekolah-sekolah di sesebuah daerah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengemukakan cadangan menaikkan Gred Pegawai Pendidikan Daerah (PPD) termasuk PPD Manjung kepada Gred 54 di dalam Kajian Penstrukturan Semula KPM. Kajian tersebut telah diserahkan kepada Agensi Pusat pada 1 April 2016 untuk pertimbangan yang sewajarnya.